

# Konsep pelan Prang Besar diluluskan

**K**UALA LUMPUR 2 Jun — Kerajaan telah meluluskan konsep pelan struktur bandar baru Prang Besar dekat Sepang, yang akan dimajukan bagi penempatan sebahagian besar pejabat-pejabat kerajaan, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Beliau berkata, pada peringkat permulaan hanya sebahagian sahaja daripada pejabat-pejabat kerajaan akan dipindahkan ke kawasan tersebut, yang diwujudkan bagi tujuan mengurangkan kesesakan lalu lintas di ibu kota.

Prang Besar terletak berhampiran Sepang, iaitu 8 kilometer di utara Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA). Bandar baru itu akan dibina di kawasan seluas 10,000 hektar.

Asas rekabentuk semua bangunan di bandar baru itu akan bercirikan bangunan Sultan Abdul Samad dan Jabatan Kerja Raya

(JKR) akan terlibat secara langsung dengan kerja merekabentuk bandar baru itu.

Dr. Mahathir berkata, pejabat-pejabat yang terbabit merupakan bangunan-bangunan yang masih belum diluluskan pembinaannya di sini.

“Kerajaan telah meluluskan pelan struktur bagi (bandar baru) Prang Besar,” kata beliau kepada para pemberita selepas merasmikan Kompleks Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) di Jalan Tun Ismail di sini hari ini. Menurut beliau, kini projek itu hanya memerlukan tindakan untuk menyediakan pelan bangunan sahaja sebelum pembinaan dimulakan.

Projek pembangunan kawasan berkenaan dijangka bermula pada tahun depan dan siap menjelang tahun 2000.

Antara jabatan kerajaan yang akan terbabit dalam penempatan semula itu ialah Jabatan Perdana Menteri.

Dr. Mahathir seterusnya berkata, mulai sekarang kerajaan akan membina bangunan yang memuatkan pejabat jabatan perkhidmatan awam yang selesa daripada pelbagai segi termasuk kemudahan dengan mencerminkan kebudayaan tempatan.

Beliau memberitahu, bangunan-bangunan seperti *kotak rokok* yang dibina sebelum ini tidak sesuai bukan sahaja kepada kakitangan yang berkhidmat di bangunan tersebut malah bagi para pelanggan.

“Oleh itu, mulai sekarang kita akan mendirikan bangunan-bangunan kerajaan dengan kedudukan yang menarik, indah dan sesuai dengan iklim kerja,” katanya.

Perdana Menteri berkata, kerajaan memutuskan untuk membina bangunan yang lebih selesa dengan pelbagai kemudahan ekoran pertumbuhan ekonomi yang pesat sejak kebelakangan ini.

Menurutnya, memandangkan pendapatan kerajaan telah meningkat, kerajaan akan menyediakan peruntukan tambahan untuk membina bangunan-bangunan yang bentuknya mencerminkan ciri-ciri kerajaan.

“Kita telah membuat keputusan untuk mendirikan bangunan-bangunan kerajaan yang mempunyai *standard* sedikit tapi murah.

“Kini kita ada wang lebih sedikit dan ada banyak masa untuk dirikan bangunan yang lebih sesuai dan indah dan akan menggunakan peruntukan dengan cara yang baik, selesa daripada segi kemudahan dan persekitaran,” katanya.

Kata beliau, kakitangan perkhidmatan yang berkhidmat untuk negara, juga berhak menikmati keselesaan bangunan yang lebih indah sebagaimana terdapat di sektor swasta.

Kata beliau, pada zaman penjajahan British, hanya bangunan-bangunan jabat-

an kerajaan sahaja yang paling indah berbanding dengan yang dimiliki oleh swasta.

Bagaimanapun kata beliau lagi, kini keadaan tersebut telah mengalami perubahan dan pihak swasta yang meninggalkan sektor kerajaan dalam bidang itu.

Mengenai Kompleks JPA itu, Dr. Mahathir mengucapkan tahniah kepada JKR yang menyediakan reka bentuk bangunan berkenaan.

“Saya mengucapkan tahniah kepada JKR dan jurubina yang mereka bentuk bangunan ini,” katanya.

Pembinaan kompleks itu yang berharga RM70 juta dimulakan pada bulan Mac 1992 dan siap pada Oktober tahun berikutnya.

Kompleks yang didirikan di kawasan seluas 68 hektar terdiri daripada tiga blok bangunan iaitu Blok A, B dan C.